

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 13.12.2021 MASA: 12.48

**MUKTAMAD**



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-  
PEKERJA ISLAM MBSP (PERMAI) KALI KE-  
38/2020

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**13 DISEMBER 2021 (ISNIN)**  
**2.00 PETANG**

**DEWAN KENANGA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid**

Pemangku Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Tuan Syed Abd Rahman Bin Saiyid Hashim**

Naib yang Dipertua PERMAI

**Encik Ahmad Asruddin Bin Ahmad Kamaluddin**

Setiausaha Kehormat PERMAI

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Barisan Ahli Jawatankuasa PERMAI**

**Ahli-Ahli PERMAI**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama bertemu dan berhimpun pada petang yang barakah ini di mana kita semua dapat berhimpun secara bersua muka dan juga secara online dalam Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan PERMAI Kali Ke-38 Tahun 2020. Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengurus PERMAI, Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff dan barisan AJK PERMAI di atas program-program yang diadakan sepanjang tahun 2020 dan 2021.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa yang telah berjaya menganjurkan Majlis pada petang ini. Walaupun masing-masing sibuk dan mempunyai komitmen terhadap tugas sehari-hari, namun mereka masih membahagikan masa untuk merancang, mengatur perlbagai program dan aktiviti untuk PERMAI. Syabas dan Tahniah!

Terima kasih juga atas kehadiran ahli-ahli PERMAI yang telah memberi komitmen dan meluangkan masa bagi sama-sama kita menjayakan majlis kita pada hari ini. Semoga komitmen dan kesungguhan yang dipamerkan oleh tuan-tuan dan puan-puan hari ini, menjadi pembakar semangat kepada barisan Ahli Jawatankuasa untuk bergiat aktif dan memacu PERMAI dengan lebih laju.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) yang telah berbesar hati untuk menaja 300 pek bakul makanan kering untuk diagihkan kepada kakitangan MBSP yang memerlukan dan terkesan akibat Pandemik COVID-19. Keseluruhan bantuan ini merupakan kolaborasi dengan Permai dan terkini pagi tadi sekali lagi pihak YaPeim telah menyumbang 250 pek daging segar untuk kumpulan kakitangan yang kurang berkemampuan. Terima kasih sekali lagi.

### **AHLI-AHLI PERMAI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

Persatuan Kebajikan Pekerja-Pekerja Islam MBSP atau singkatannya, PERMAI, adalah satu persatuan yang terbuka kepada semua pekerja-

pekerja di dalam Majlis Bandaraya Seberang Perai yang beragama Islam samada lelaki ataupun perempuan. PERMAI memainkan peranan untuk merapatkan perhubungan muhibah dan menyatupadukan sekalian pekerja-pekerja Islam lelaki dan perempuan yang bekerja di MBSP dan menggalakkan ahli-ahli Persatuan ini supaya berperasaan tolong-menolong di antara ahli-ahlinya di dalam perkara kebajikan ahli-ahli PERMAI.

PERMAI telah dan sentiasa merangka aktiviti dan program serta berjaya meluaskan lagi faedah-faedah kepada ahli-ahlinya melalui program dan aktiviti seperti kelas tajwid, fardhu ain, ceramah agama bulanan, kursus haji dan umrah, Forum Perdana Islam sempena Sambutan Hari Bandaraya, Majlis Qurban dan Aqiqah, Sumbangan Ramadhan, Bubur Lambuk, sumbangan kepada orang kurang kemampuan / miskin, anak yatim, sumbangan kepada mantan ahli bersara yang uzur, anak-anak ahli yang cemerlang dalam pelajaran, bakal-bakal haji / hajah, kelahiran dan kematian waris terdekat.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini utnuk mengucapkan syabas di sini di atas kejayaan PERMAI mengendalikan Pertandingan Mengarang Khutbah Jumaat yang dibacakan oleh Datuk Bandar Seberang Perai di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah pada 8 Oktober 2021. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Tahniah kepada Ahli

Jawatankuasa PERMAI yang berjaya menganjurkan dua (2) program iaitu Bicara Santai Seberang Perai pada 24 September 2021 dan Forum Korporat – Khaira Ummah Negeri Pulau Pinang 2030 sempena Sambutan Hari Bandaraya Seberang Perai. Program-program ini benar-benar membina modal insan ke arah membentuk khaira ummah yang dibawa oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

### **AHLI-AHLI PERMAI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

Datuk Bandar dan pimpinan MBSP tidak pernah lupa dengan jasa tuan-tuan dan puan kepada rakyat Seberang Perai. Justeru, Datuk Bandar Seberang Perai mengisyiharkan tujuh (7) kemudahan kebajikan baharu dan penambahbaikan kepada kemudahan kebajikan sedia ada.

1. Bantuan khas kewangan sebanyak setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00 kepada warga kerja MBSP akan dimasukkan ke dalam akuan bank masing-masing.
2. Dari segi rawatan kesihatan pekerja dan ahli keluarga, MBSP telah memperuntukkan bantuan perubatan dan kesihatan sebanyak RM 100.00/bulan kepada semua warga kerja MBSP berkuatkuasa pada tahun 2022. Kemudahan ini disediakan di samping kemudahan Klinik Panel yang telah sedia ada kepada

kakitangan MBSP termasuk rawatan pergigian, pembelian kaca mata bagi kakitangan yang mempunyai masalah penglihatan dan rawatan kepada anak-anak kakitangan di klinik pakar kanak-kanak. Kemudahan ini dipanjangkan juga kepada kedua ibu bapa kakitangan.

Semua kakitangan MBSP boleh mendapatkan kemudahan perkhidmatan perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui hospital dan klinik kesihatan di bawah KKM) yang diberikan secara percuma.

3. Semasa penularan COVID-19, MBSP juga memberikan sumbangan barang-barang keperluan bernilai RM150.00/orang kepada kakitangan MBSP yang telah disahkan positif COVID-19 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Dari Julai 2021 sehingga Disember 2021 seramai 105 kakitangan MBSP yang disahkan positif COVID-19 telah menerima sumbangan tersebut.
4. MBSP juga berkerjasama dengan Hospital Seberang Jaya untuk memberikan kemudahan perkhidmatan rawatan segera kepada kakitangan MBSP yang mengalami strok. Pesakit strok yang memerlukan rawatan kepakaran melalui Prosedur *Mechanical Thrombectomy (MT Procedure)* akan segera dipindahkan daripada Hospital Seberang Jaya ke Hospital Pantai Pulau Pinang untuk rawatan MT.

Walau bagaimanapun, Hospital Seberang Jaya akan mendapatkan kebenaran serta kelulusan daripada Yang Berbahagia Datuk Bandar dan akan diselaraskan oleh Pengarah Khidmat Pengurusan bagi membolehkan pesakit strok (kakitangan MBSP) dihantar ke Hospital Pantai Pulau Pinang dalam tempoh segera, tidak melebihi enam (6) jam oleh pihak Hospital Seberang Jaya bagi membolehkan nyawa pesakit diselamatkan. Sehingga kini, terdapat dua (2) kakitangan MBSP (pesakit strok) yang pernah mendapat kemudahan perkhidmatan rawatan di Hospital Seberang Jaya dan seorang pernah dipindahkan ke Hospital Pantai Pulau Pinang dan pesakit berjaya dirawat dan sembuh.

5. MBSP telah meluluskan cadangan pemasangan sistem solar serta perkakasannya dan pembinaan tempat letak kereta berbumbung di perkarangan kawasan tempat letak kereta terbuka kakitangan berkeluasan 56,000 kaki persegi. Pemasangan panel solar ini akan menjana tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) untuk disalurkan bagi penggunaan tenaga di Menara Bandaraya yang memberi keselesaan dan kemudahan kepada kakitangan MBSP dan orang awam yang berkunjung ke Menara Bandaraya. Pemasangan panel solar ini berkemampuan untuk menjana kira-kira 40.24% tenaga elektrik berbanding keseluruhan

penggunaan elektrik di Ibu Pejabat MBSP di Bandar Perda. Kolaborasi strategik MBSP / sektor swasta / TNB telah membawa faedah kepada rakyat yang berkunjung ke MBSP dengan mendapat WiFi percuma, Tempat Letak Kereta berbumbung bagi warga kerja MBSP dan penyediaan stesen pengecas bagi kenderaan elektrik (EV) di MBSP yang merupakan yang pertama di Malaysia dan dikendalikan oleh Pekat Solar Sdn. Bhd. Kapasiti penjanaan tenaga elektrik boleh diperbaharui ini akan membantu MBSP menjimatkan kos di dalam bil elektrik tahunannya dan mengurangkan jejak karbon yang seiring dengan komitmennya utnuk mengubah Sebrang Perai menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

6. Kakitangan berstatus tetap yang mengalami Hilang Upaya Kekal (HUK) disebabkan bencana kerja juga diberi kemudahan pampasan *Ex-Gratia* bencana kerja seperti kemalangan semasa dalam perjalanan ke tempat kerja, semasa bekerja atau perjalanan pulang dari bekerja.
7. Bagi kakitangan yang berstatus kontrak pula, mereka diberikan kemudahan caruman PERKESO. Kakitangan kontrak yang mengalami bencana kerja (kemalangan semasa dlm perjalanan ke tempat kerja / balik kerja / semasa bekerja) boleh membuat permohonan Hilang Upaya Sementara. Selain daripada itu,

waris kakitangan boleh membuat permohonan pencegahan penakat, sekiranya kakitangan tersebut meninggal dunia bukan disebabkan oleh bencana kerja. Sekiranya meninggal disebabkan oleh bencana kerja, waris boleh mendapat Faedah Orang Tanggungan. Kakitangan yang tidak berupaya untuk bekerja, seperti lumpuh, kakitangan boleh membuat permohonan Skim Keilatan.

## **AHLI-AHLI PERMAI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

Saya difahamkan bahawa ini merupakan Mesyuarat Agung PERMAI yang akan membuat pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baru untuk Sesi 2021 – 2024.

Sehubungan itu, saya ingin merakamkan ribuan terima dan sekalung penghargaan kepada kepada Ahli Jawatankuasa yang terdahulu yang telah memainkan peranan yang bersungguh-sungguh serta menjadi tumpuan kepada kekuuhan dan kerukunan warga MBSP yang beragama Islam. Saya amat bangga melihat aktiviti-aktiviti PERMAI yang semakin padat setiap tahun berkat usaha dan sokongan semua ahli. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Dipertua PERMAI serta

semua Ahli Jawatankuasa PERMAI kerana berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Kali ke-38 pada hari ini.

Diharapkan Ahli Jawatankuasa baharu yang bakal dilantik hari ini akan meneruskan perjuangan PERMAI serta meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti rasmi. Saya berharap kepimpinan PERMAI yang baharu dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang telah disusun atur dengan sempurna. Kerjasama ahli-ahli PERMAI juga amat diperlukan dalam membantu usaha meramaikan lagi AHli PERMAI kerana banyak lagi kakitangan yang tidak tahu kelebihan dan kebaikan menyertai PERMAI. Selain itu, adalah menjadi harapan saya agar ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai pengurusan dan profesional dapat meluangkan masa untuk turut serta dalam program-program anjuran PERMAI.

Kesediaan semua ahli meluangkan masa sehingga mesyuarat selesai menunjukkan komitmen dan sokongan telus dan ikhlas semoga ianya memperolehi ganjaran Allah S.W.T.

## **AHLI-AHLI PERMAI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,**

Saya amat mengharapkan agar semua kakitangan MBSP terus mengekalkan momentum kecemerlangan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan Negara serta menyokong dan menjayakan Wawasan *Penang2030* dan Visi MBSP iaitu Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi (*Seberang Perai Resilient, Inclusive, Green, Competitive and Technology Driven Smart City*) dengan terus memberikan komitmen yang terbaik di dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dan sentiasa menjaga nama baik organisasi. Bukan mudah untuk meletakkan MBSP seperitimana tahap sekarang ini. Tetapi saya yakin dan percaya dengan adanya kerjasama dan usaha kita pasti dapat lakukan yang terbaik. Di kesempatan ini juga saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada PERMAI, terutama kepada barisan tertinggi dan Ahli Jawatankuasa PERMAI di atas kesungguhan dan komitmen dalam bersama-sama melaksanakan pelbagai aktiviti dan program. Saya berharap agar kita semua dapat terus kekal bekerjasama dalam satu pasukan yang mantap dan menepis segala sikap yang tidak baik dalam diri kita serta memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “*Seberang Perai – Aspiring City Of Tomorrow*” dapat direalisasikan.

Akhir kata dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM saya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PERMAI Kali ke-38/2020.

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You.**